

# PERUBAHAN KEPADA AKTA PAMPASAN KECEDERAAN SEMASA KERJA (WICA) MULAI JANUARI 2016

Mulai 1 Januari 2016, WICA akan membenarkan had yang lebih tinggi supaya pembayaran kekal terkini. Rawatan yang membolehkan pekerja\* anda pulih dan kembali bekerja lebih awal, kini juga boleh dituntut. Sebagai majikan, anda bertanggungjawab ke atas pekerja anda, dan mesti memberikan pampasan jika mereka mengalami kecederaan atau penyakit yang berkaitan dengan pekerjaan. Teruslah membaca untuk mengetahui lebih lanjut.

## Tahukah Anda Tentang Had Pampasan yang Baru?

	Had	Had Sedia Ada	Had Baru (bagi kecederaan/penyakit yang dialami pada dan selepas 1 Januari 2016)
Kematian	Minimum	\$57,000	\$69,000
	Maksimum	\$170,000	\$204,000
Hilang Upaya Kekal Keseluruhan*	Minimum	\$73,000	\$88,000
	Maksimum	\$218,000	\$262,000
Perbelanjaan Perubatan		Sehingga \$30,000 atau 1 tahun daripada tarikh kemalangan, yang mana dicapai dahulu	Sehingga \$36,000 atau 1 tahun daripada tarikh kemalangan, yang mana dicapai dahulu (termasuk rawatan memudahkan kembali bekerja dengan lebih awal)

\*Ini tidak termasuk pampasan 25% tambahan yang dibayar kepada pekerja dengan ketidakupayaan menyeluruh dan kekal untuk mengimbangi kos penjagaan bagi pekerja yang tercedera.



## Bila Harus Saya Memberitahu MOM tentang Kecederaan/ Penyakit Pekerja saya?


Laporkan kepada kami dalam masa 10 hari jika:



Pekerja anda mengalami kecederaan atau penyakit yang berkaitan dengan pekerjaan yang menyebabkan beliau mendapat cuti sakit melebihi 3 hari



Pekerja anda mengalami kecederaan atau penyakit berkaitan dengan pekerjaan yang menyebabkan kemasukan ke hospital untuk sekurang-kurangnya 24 jam



Pekerja anda telah meninggal dunia disebabkan oleh pekerjaan

## Pampasan Apakah yang Boleh Dituntut Oleh Pekerja Saya yang Cedera?

Di bawah WICA, faedah pampasan pekerja anda termasuk:



Gaji cuti sakit (berdasarkan Purata Pendapatan Bulanan)



Perbelanjaan perubatan



Pampasan pukal (hanya untuk kehilangan upaya kekal atau kematian)

Kegagalan untuk membayar pampasan kepada pekerja adalah satu kesalahan yang boleh dihukum denda maksimum \$10,000 dan/atau penjara sehingga 12 bulan.

## Bagaimana Cara Untuk Saya Berikan Sokongan Kepada Pekerja Saya yang Cedera?



Wujudkan prosedur membuat laporan yang membolehkan pekerja anda melaporkan kepada anda dengan cepat selepas mengalami kecederaan/penyakit berkaitan pekerjaan



Sediakan pekerja anda dengan rawatan yang diperlukan



Bayar gaji cuti sakit pekerja anda tidak lewat dari hari gajinya yang biasa



Benarkan penyesuaian selepas kecederaan dengan tugas kerja yang sesuai



Sediakan makanan dan tempat tinggal yang sesuai untuk pekerja asing anda semasa tempoh pemulihan

## Bagaimana Boleh Saya Lindungi Perniagaan Saya untuk Tuntutan Pampasan WICA?

### BELI INSURANS PAMPASAN KECEDERAAN SEMASA KERJA

#### WAJIB



MANUAL

Pekerja-pekerja manual tanpa mengira had pendapatan gaji



BUKAN MANUAL (<\$1600)

Pekerja-pekerja bukan manual yang berpendapatan \$1,600/bulan atau kurang

Insurans perlu melindungi liabiliti majikan untuk membayar gaji cuti sakit, perbelanjaan perubatan dan pampasan bagi kehilangan upaya kekal atau kematian, jika ada

Kegagalan untuk mengekalkan insurans yang mencukupi adalah satu kesalahan yang boleh dihukum denda maksimum \$10,000 dan/atau penjara sehingga 12 bulan.

#### PILIHAN



BUKAN MANUAL (>\$1600)

Pekerja-pekerja bukan manual yang berpendapatan lebih daripada \$1,600/bulan

Majikan digalakkan membeli insurans untuk para pekerja-pekerja ini kerana majikan tetap bertanggungjawab untuk membayar pampasan kepada mereka bagi kecederaan/penyakit berkaitan pekerjaan

## Bagaimanakah WICA Mamanfaatkan Perniagaan Saya?



Insurans yang mencukupi mengurangkan kesan kewangan daripada pembayaran pampasan



Intervensi kembali bekerja awal membantu mengekalkan pekerja yang berpengalaman dan mengekalkan hubungan baik antara majikan dan pekerja

### Untuk maklumat lanjut:

- Lihat panduan dan alat penilaian sendiri: [www.mom.gov.sg/wic-resources](http://www.mom.gov.sg/wic-resources)
- Kunjungi laman web MOM: [www.mom.gov.sg](http://www.mom.gov.sg)

